

Headline **Karnival bantu usahawan baru**  
Date **03 May 2011**  
MediaTitle **Sinar Harian (Utara)**  
Section **NEWS**  
Journalist **N/A**  
Frequency **Daily**  
Circ / Read **60,000 /**

Language **Malay**  
Page No **U29**  
Article Size **267 cm<sup>2</sup>**  
Color **Full Color**  
ADValue **1,469**  
PRValue **4,406**



# Karnival bantu usahawan baru

**ROSNANI SAAD**

**ALOR SETAR** - Karnival Keusahawanan 1Malaysia, New Entrepreneur Development Program (NEDPRO) menjadi tempat pertemuan usahawan baru termasuk usahawan tempatan, usahawan dalam kalangan orang kurang upaya (OKU) dan Orang Asli Ulu Legong, Baling, memasarkan hasil mereka kepada orang ramai.

Karnival anjuran Students in Free Enterprise (SIFE) Universiti Utara Malaysia (UUM) dengan kerjasama dari Institut Pembangunan Keusahawanan dan Koperasi (CEDI), UUM, itu diadakan di Star Parade, bermula 29 April hingga 1 Mei lalu.

Presiden SIFE, UUM, Khairun Najmi Kamisan berkata, karnival itu adalah salah satu aktiviti yang dirancang dalam fasa ketiga Projek NEDPRO, bertujuan mencari, mengenal pasti dan membantu melahirkan usahawan baru dalam mencapai dan merealisasikan hasrat mereka

untuk menceburkan diri dalam bidang keusahawanan. "Karnival ini tajaan Majlis Keusahawanan Mahasiswa Universiti Malaysia (Maknum) dan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) ini disertai 23 usahawan baru, empat institut pengajian tinggi (IPT) dan 13 koperasi dari seluruh Kedah.

"Projek ini dipimpin Pengarah NEDPRO, Lim Ju Wee ini diadakan untuk menggalakkan aktiviti keusahawanan dalam kalangan masyarakat dan juga mahasiswa di sekitar Kubang Pasu dan Kedah," katanya.

Menurutnya, selain membantu usahawan baru, penganjuran karnival ini juga diharap akan dapat meningkatkan kesedaran orang ramai mengenai kepentingan mencintai alam sekitar dan melindungi bumi.

"Kami turut menganjurkan aktiviti memungut se-

mula botol mineral terpakai di Star Parade untuk di kitar semula.

"Malah enzim yang dibuat daripada kulit buah-buahan diberikan secara percuma kepada orang ramai untuk meningkatkan kesedaran tentang kegunaan enzim buah-buahan," katanya.

Perasmian disempurnakan Pengerusi Majlis Perundangan Koperasi Kedah, Datuk Dr Ku Abdul Rahman Ku Ismail.

Headline **Karnival bantu usahawan baru**  
Date **03 May 2011**  
MediaTitle **Sinar Harian (Utara)**  
Section **NEWS**  
Journalist **N/A**  
Frequency **Daily**  
Circ / Read **60,000 /**

Language **Malay**  
Page No **U29**  
Article Size **267 cm<sup>2</sup>**  
Color **Full Color**  
ADValue **1,469**  
PRValue **4,406**



■ Ku Abdul Rahman memukul gong sebagai gimik perasmian karnival.